

## KHUTBAH JUMAAT

“Tertanggungnya Lambaian Kaabah”  
(16 Julai 2021M/ 06 Zulhijah 1442H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي رَبَّنَا عَلَى حَجِّ بَيْتِهِ الْحَرَامِ كُلِّ خَيْرٍ جَزِيلٍ، وَجَعَلَ  
قَصْدَهُ مِنْ أَجْلِ الْقُرْبَاتِ الْمَوْصِلَةِ إِلَى ظِلِّهِ الظَّلِيلِ، وَيَسَّرَ أَسْبَابَهُ وَهَوَّنَ  
الْوُصُولَ إِلَيْهِ وَالسَّبِيلَ، وَسَهَّلَهُ بِلُطْفِهِ وَكَرَمِهِ غَايَةَ التَّسْهِيلِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْجَلِيلُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا  
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ أَكْمَلُ الْخَلْقِ فِي كُلِّ خُلُقٍ جَمِيلٍ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
والتَّابِعِينَ لَهُمْ فِي كُلِّ عَمَلٍ نَبِيلٍ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ،  
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah *subhanahu wata'ala* mengurniakan kepada kita kerahmatan, keberkatan dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Pada hari Jumaat yang penuh keberkatan ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk "**Tertanggungnya Lambaian Kaabah**".

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Haji bermaksud mengunjungi Baitullah pada bulan haji iaitu Zulhijjah untuk mengerjakan semua rukun dan wajib haji dengan mematuhi syarat-syarat sah haji. Ia merupakan salah satu dari rukun Islam yang lima dan menjadi kewajiban ke atas setiap orang Islam yang cukup syarat untuk ke Tanah Suci Makkah. Antara syarat wajibnya ialah berkemampuan iaitu berkuasa untuk menunaikannya sekurang-kurangnya sekali seumur hidup. Begitu juga ibadah umrah yang difardukan ke atas orang Islam.

Firman Allah *subhanah wata'ala* dalam surah Al-Imran ayat 97:

فِيهِ آيَاتٌ بَيِّنَاتٌ مِّمَّا مَكَامُ إِبْرَاهِيمَ وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ آمِنًا وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ ﴿٩٧﴾

**Maksudnya:** “Di sana terdapat tanda-tanda yang jelas, (di antaranya) maqam Ibrahim. Barangsiapa memasukinya (Baitullah) amanlah dia. Dan (di antara) kewajiban manusia terhadap Allah adalah melaksanakan ibadah haji ke Baitullah, iaitu bagi orang-orang yang mampu mengadakan perjalanan ke sana. Barangsiapa mengingkari (kewajiban) haji, maka ketahuilah bahawa Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari seluruh alam.”

Rasulullah *sallallahu alaihiwasallam* turut menegaskan kewajiban tersebut. Sabdanya:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَحَجِّ الْبَيْتِ وَصَوْمِ رَمَضَانَ

**Maksudnya:** “Islam didirikan di atas lima perkara: Bersaksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah subhanahu wata’ala dan Nabi Muhammad sallallahu alaihiwasallam adalah hambaNya dan pesuruh-Nya, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menunaikan haji ke Baitullah, dan berpuasa di bulan Ramadhan.”

Riwayat Imam Muslim

Sebagai muslim, kita dituntut mengerjakan ibadah haji dan umrah sebagai bukti pengabdian kepada Penciptanya dan melengkapkan sifat-sifat hamba pada dirinya. Pada masa yang sama ibadah ini juga melengkapkan diri muslim dengan sifat-sifat khalifah yang dikehendaki oleh Allah *subhanahu wata’ala*.

Namun, situasi pandemik COVID-19 yang dihadapi ketika ini, menghalang umat Islam dari sudut berkemampuan atau berkuasa untuk mengunjungi Tanah Suci dan menunaikan ibadah agung tersebut, kecuali mereka yang berada di Negara Saudi.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Salah satu dari syarat-syarat wajib haji adalah berkemampuan untuk pergi menunaikan haji. Antara ciri-ciri berkemampuan ialah mampu dari sudut kesihatan, kewangan, aman dalam perjalanan, pengangkutan yang selamat dan kebenaran kuota haji.

Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah menangguhkan semua urusan berkaitan operasi haji bagi Musim Haji 1442 hijri bersamaan 2021 masehi selaras dengan keputusan muktamad Kerajaan Arab Saudi bahawa tiada jemaah negara luar termasuk Malaysia yang akan dibenarkan ke Tanah Suci untuk menunaikan haji, atas faktor keselamatan, kesihatan kesejahteraan umat Islam seluruh dunia ekoran penularan wabak COVID-19.

Ibadah haji bagi tahun ini dihadkan hanya untuk warganegara Saudi dan penduduk negara lain termasuklah Malaysia yang telah berada dalam negara tersebut sahaja, tertakluk kepada kriteria pemilihan dan Prosedur Standard Operasi (SOP) yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi.

Umat Islam di Malaysia turut dinasihatkan untuk tidak mudah terpengaruh dan berhati-hati dengan mana-mana pihak yang menawarkan pakej haji dan badal haji bagi tahun ini, jika ada. Semua bakal haji dipohon untuk bersabar dan menerima keputusan ini dengan reda. Teruskanlah berdoa agar keadaan kembali pulih bagi membolehkan urusan haji diteruskan pada masa hadapan.

Di kesempatan ini juga sini, mimbar mengambil peluang untuk menasihati kepada semua umat Islam di Malaysia, khususnya di Sarawak agar menanam di dalam jiwa masing-masing niat dan tekad untuk menjadi dhuyuf al-Rahman iaitu tetamu Allah walaupun sekali seumur hidup mereka. Justeru, berusahalah dari sekarang, bukan sekadar menyimpan dalam akaun Tabung Haji, bahkan mendaftar

untuk mengerjakan haji. Di samping itu mempersiapkan diri dari segi ilmu dan amal, serta dari sudut mental dan fizikal.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar ingin mengajak para jemaah sekalian, mengimbas kembali pensyariatan haji pada zaman Rasulullah *sallAllahu alaihiwasallam*. Pada tahun ke-6 Hijrah, menurut pendapat yang masyhur, Ibadat haji mula diwajibkan ke atas umat Islam dengan penurunan ayat 97 surah *Al-Imran*. Firman-Nya:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

**Maksudnya:** “*Dan (di antara) kewajiban manusia terhadap Allah adalah melaksanakan ibadah haji ke Baitullah, iaitu bagi orang-orang yang mampu mengadakan perjalanan ke sana.*”

Allah *subhanahu wata'ala* memerintahkan Rasulullah *sallAllahu alaihiwasallam* agar membaharui dan menyambung ajaran Nabi Allah Ibrahim *alaihissallam*. Rasulullah *sallAllahu alaihi wasallam* bersama-sama para sahabat berangkat ke Makkah untuk menunaikan umrah. Namun, dihalang oleh kaum Quraisy, menyebabkan Rasulullah *sallAllahu alaihi wasallam* dan para sahabat melakukan *tahallul ihsar* dengan menyembelih kambing dan bercukur untuk keluar dari larangan *Ihram*. Mereka kemudiannya kembali ke Madinah setelah menandatangani Perjanjian Hudaibiah. Kemudian, pada tahun berikutnya iaitu tahun ke-7 Hijrah, dengan izin Allah, Rasulullah *sallAllahu alaihi wasallam* dan sekumpulan para sahabat dapat melaksanakan ibadah umrah.

Detik bersejarah umat Islam, atas perintah Allah *subhanahu wata'ala* iaitu pada tahun ke-8 Hijrah, Rasulullah *sallAllahu alaihi wasallam* berjaya mengambil alih pemerintahan Tanah Haram Makkah. Baginda mendapat tentangan penduduk Arab di Hunain, namun mereka dapat dikalahkan. Setelah berjaya dalam peperangan Hunain, Baginda sekali lagi melakukan umrah dengan berniat ihram umrah di *Ja'ranah*.

Pada tahun ke-9 Hijrah, akhirnya, ibadah Haji dapat dikerjakan. Rasulullah *sallAllahu alaihi wasallam* mengutus Sayyidina Abu Bakar As-Siddiq mengetuai 300 orang umat Islam mengerjakan haji dan seterusnya membuat pengisytiharan iaitu larangan mengerjakan tawaf tanpa berpakaian dan perintah tidak membenarkan orang kafir mengerjakan haji dikuatkuasakan pada tahun ke-10 hijrah.

Kemudiannya, pada tahun 10 Hijrah, Baginda telah berangkat ke Madinatul Munawwarah bersama isteri dan 90,000 sahabat-sahabatnya. Baginda telah menyempurnakan amalan-amalan sunat Ihram, memakai ihram dan berniat ihram di *Zulhulaifah* iaitu *Bir Ali*. Setelah mengambil masa 9 hari perjalanan, baginda tiba di Makkah pada 04 Zulhijjah. Kemudian Baginda bermalam *Mina* pada 08 Zulhijjah.

Tanggal 09 Zulhijjah, pada hari Jumaat, Baginda berwukuf di Arafah. Ketika itu jumlah para sahabat yang berada di Arafah mencecah 124,000 orang. Rasulullah *sallAllahu alaihi wasallam* telah menyempurnakan semua rukun dan wajib haji hingga 13 Zulhijjah.

Sehari berikutnya, iaitu 14 Zulhijjah, Rasulullah *sallAllahu alaihi wasallam* kemudiannya meninggalkan Makkah Al-Mukarramah dan kembali ke Madinah Al-Munawwarah.

Sepanjang kehidupan Rasulullah *sallAllahu alaihi wasallam*, baginda telah menunaikan fardhu haji sebanyak sekali sahaja yang dinamakan *Hijjatul Wada'*. Selepas berlalu beberapa ketika, baginda wafat dan menemui Tuhan *Rabbulizzati*. Moga kita bertemu dan bersamanya nanti di alam barzakh, akhirat dan syurga. *Amin Ya Rabbalalamin*

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah, marilah kita hayatilah beberapa intisari khutbah yang disampaikan sebentar tadi untuk dijadikan panduan kita bersama. Antaranya;

**Pertama:** Ibadah Haji dan Umrah adalah kefarduan ke atas setiap orang Islam yang berkemampuan. Namun, melihat kepada syarat berkemampuan dari sudut kesihatan dan keselamatan, ibadah haji pada tahun ini ditangguhkan bertujuan untuk menjaga maslahat umat Islam seluruhnya.

**Kedua:** Perteingkatkanlah ilmu berkaitan ibadah haji dan hayatilah sejarah pensyariatannya.

**Ketiga:** Teruskanlah memohon dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar wabak Covid-19 terhapus dari muka bumi Allah, disamping berazam untuk mengunjungi Tanah Suci dan

menjadi tetamu Allah nanti serta berusaha, berdoa dan bertawakkal kepada-Nya.

Marilah kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah at-Taghabun, ayat 11:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ ۗ وَمَنْ يُؤْمِن بِاللَّهِ يَهْدِ قَلْبَهُ ۗ وَاللَّهُ  
بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ.

**Maksudnya:** *Tidak ada kesusahan (atau bala bencana) yang menimpa (seseorang) melainkan dengan izin Allah; dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya (untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar); dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

10 hari pertama bulan Zulhijjah adalah merupakan hari-hari paling afdhal serta mengandungi kelebihan-kelebihan yang besar selain sepuluh malam terakhir Ramadan. Kita dianjurkan untuk melakukan ibadah, bertujuan mendekatkan diri kepada Allah subhanahu wata'ala. Mimbar ingin menggalakkan umat Islam amnya untuk berpuasa sunat dalam tempoh hari pertama Zulhijjah hingga hari Arafah pada 9 Zulhijjah, memperbanyakkan zikir, berselawat, berdoa dan apa jua amal kebajikan selainnya seperti mengajar dan belajar ilmu agama dan berbakti kepada kedua orang tua.

Dalam masa yang sama, jangan sekali-kali kita dan mereka yang berada dalam lingkungan dan tanggungan kita, mengabaikan kefarduan yang telah diperintahkan oleh Allah subhanahu wata'ala seperti menunaikan solat fardu lima waktu sehari, menutup aurat, menjaga lidah berkata sesuatu yang mengundang dosa dan tangan dari melakukan fitnah dan maksiat.

Mimbar juga ingin mengingatkan seluruh rakyat Malaysia yang berada di Sarawak khasnya dan Malaysia amnya supaya menjalankan tanggungjawab mendaftar untuk mendapatkan vaksin. Semoga setiap urusan sama ada dari pihak kerajaan mahupun rakyat, dipermudahkan untuk mendapat vaksin secepatnya.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah,

kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ الْبَلَاءِ عَافِيَةً. اللَّهُمَّ اَرْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ، وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.